



1100089144

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PUD) Universiti Malaysia Terengganu



LP 34 FPE | 2010



1100089144

Analisis pembiayaan dan keberuntungan perbankan Islam : pendekatan ARDL dan panel statik / Nik Fatiha Nik Ubaidillah.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089144

1100089144

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIAH

ANALISIS PEMBIAYAAN DAN KEBERUNTUNGAN PERBANKAN ISLAM: PENDEKATAN ARDL DAN PANEL STATIK

**NIK FATIHA BINTI NIK UBAIDILLAH
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGAJIAN**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT**

2010

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4998 / 4999) ini adalah hasil saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

Tarikh :



.....

**NIK FATIHA BINTI NIK UBAIDILLAH
UK 15622**

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4998 / 4999) is the result of my own finding, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving references is appended.

Date :



.....

**NIK FATIHA BINTI NIK UBAIDILLAH
UK 15622**

PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH S.W.T. Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini dapat disiapkan dengan sempurna. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga serta para sahabat baginda. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak terlibat secara langsung maupun tidak langsung terutamanya kepada penyelia saya iaitu Dr. Nur Azura Binti Sanusi yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan kertas projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga buat ayah dan ibu yang tersayang, Nik Ubaidillah Bin Nik Su dan Tengku Lijah Binti Tengku Salim juga ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan kepada saya. Tidak dilupakan juga kepada pihak Bank Negara Malaysia yang banyak membantu untuk mendapatkan maklumat terutamanya untuk mendapatkan data. Juga kepada teman seperjuangan yang sama-sama menempuh susah dan senang.

Oleh itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang berkaitan kerana memberi kerjasama dan bantu-membantu serta dorongan kepada saya dalam menyiapkan kertas projek ini. Sesungguhnya bantuan dan jasa baik kalian tidak dapat dibalas dengan kata-kata. Hanya Tuhan Yang Maha Esa yang mampu membalasnya. Kerjasama yang diberikan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**NIK FATIHA BINTI NIK UBAIDILLAH
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)
KAMPUNG MERBAU PATAH,
20050 KUALA TERENGGANU.
NO.TEL. (H) : 013-9944304
E-MAIL : atie_fatiha@yahoo.com**

ABSTRAK

Perbankan Islam merupakan salah satu daripada penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Perbankan Islam kini semakin menjadi pilihan kepada masyarakat Malaysia tidak kira masyarakat berbangsa Melayu, India mahupun Cina. Pertumbuhan yang pesat dalam sektor perbankan Islam menjadi pemangkin kepada keyakinan masyarakat terhadap produk perbankan Islam. Pertumbuhan dalam sektor perbankan Islam ini sangat berkait rapat dengan keberuntungan perbankan Islam. Ini adalah kerana keberuntungan merupakan lambang kepada pertumbuhan sektor ini. Dalam satu ucaptama yang telah disampaikan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia iaitu Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar dalam satu persidangan yang membincangkan tentang pembangunan Perbankan Dan Pasaran Modal Islam pada 25 Ogos 2004 di Kuala Lumpur yang bertajuk "Peluang Baru, Pasaran Baru Dan Sempadan Baru Dalam Perbankan Dan Kewangan Islam" mengatakan bahawa keteguhan dan kestabilan sistem kewangan Islam adalah dijamin menerusi rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh, serta disokong oleh infrastruktur kewangan yang mantap dan penawaran perkhidmatan dan produk yang canggih. Oleh itu, kekuatan setiap komponen dalam sistem kewangan Islam dan jaringan hubungan pasaran dalam sistem ini akan membuka peluang-peluang baru serta memaksimumkan potensi perbankan dan kewangan Islam. Daripada kata-kata tersebut terbukti bahawa komponen terutama dalam penawaran perkhidmatan dan produk menjadi tunjang utama kepada kestabilan dan keberuntungan perbankan Islam. Dalam setiap pertubuhan swasta termasuk perbankan, keberuntungan merupakan perkara yang paling utama. Dengan itu kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan diantara keberuntungan dan pembiayaan produk perbankan Islam. Untuk lebih menfokus dalam kajian dibuat, terdapat tiga objektif utama disenaraikan iaitu objektif pertama kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan diantara keberuntungan perbankan Islam dan jumlah pembiayaan perbankan Islam. Objektif kedua kajian pula adalah untuk menganalisi hubungan diantara keberuntungan perbankan Islam dan jumlah pembiayaan perbankan Islam mengikut konsep-konsep perbankan Islam yang ditawarkan manakala bagi objektif ketiga yang ingin dikaji adalah untuk mengkaji hubungan diantara keberuntungan perbankan Islam dan pembiayaan perbankan Islam mengikut jenis-jenis perbankan Islam yang menawarkan produk-produk perbankan Islam. Bagi objektif pertama, pendekatan ARDL telah digunakan dan hasilnya menunjukkan terdapat hubungan jangka panjang dan jangka pendek diantara kedua-dua pembolehubah. Bagi objektif yang kedua dan ketiga pula, pendekatan panel statik digunakan dan hasil menunjukkan kedua-dua objektif adalah tercapai. Ini menunjukkan konsep-konsep perbankan Islam mampu mempengaruhi keberuntungan perbankan Islam begitu juga dengan pembiayaan mengikut jenis perbankan Islam.

ABSTRACT

Islamic banking is one of the contributors to the economic growth. Nowadays demand for Islamic banking product is increasing among Malaysian society whether Malay, Indian or Chinese. The rapid growth in Islamic banking sector can be one of the factors of confidence in society to choose Islamic banking product. The growth in Islamic banking sector is very closely related to the profitability of Islamic banking. This is because the profitability can show the growth of this sector. In a talk which was delivered by Governor of Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dato 'Sri Dr. Zeti Akhtar in a conference to discuss the development of Islamic Banking and Capital Market on August 25, 2004 in Kuala Lumpur, entitled "New Opportunities, New Market and New Frontier in Islamic Banking and Finance claimed that the strength and stability of the Islamic financial system is guaranteed through the frame strong regulatory work, and supported by robust financial infrastructure, and supply of sophisticated products and services. Therefore, the strength of each component in the Islamic financial system, and networking systems market will open up new opportunities, and maximize the potential of Islamic banking and finance. The fact prove that the particular component in the supply of services and products of Islamic banking become the main pillar of stability and profitability of Islamic banking. In every company, including banking sectors, profitability is the most important thing. Therefore the aim of this study is to investigate the relationship between profitability and financing of Islamic banking products. To better focus the research done, there are three main objectives listed. The first objective of this study is to analyze the relationship between profitability and the financing of Islamic banking. The second objective is to study the relationship between profitability and Islamic banking financing by the concepts offered while the third objective is investigate the relationship between the profitability of Islamic banks and Islamic financing in accordance to the type of Islamic banks. For the first objective, ARDL approach was used and the result shows that there are have relationship between the two variables. For the second and third objectives, the static panel result shows that both objectives are achieved. This shows that the concepts of Islamic banking could affect the profitability of Islamic banks as well as financing by type of Islamic banks.